

MAY - AUG 2019 EDITION

OUTREACH

LOCAL ORGANISATION WITH GLOBAL OUTREACH



Yayasan Sarawak



YAB KETUA MENTERI LANGAR YAYASAN SARAWAK
COMMUNITY ASSISTANCE MANAGEMENT SYSTEM (YSCAMS)
MS-6



THE ASIA HRD
Awards YAYASAN
SARAWAK
MALAYSIA

'CONTRIBUTION TO SOCIETY AWARD'
ASIA HRD AWARDS 2019 | CYBERJAYA

MS-8

Yayasan S

Catalyst In Education Development Towards Quality Human Capital



Yayasan Sarawak

Visi

Untuk menjadi Yayasan bertaraf dunia
dalam membangun modal insan
yang berkualiti di Sarawak.

Misi

Berlitzam untuk memacu pembangunan
modal insan yang berkualiti untuk Sarawak
melalui bantuan dan sokongan yang berkesan.

Nilai-Nilai Teras

Berintegriti
Berhemah dan Prihatin
Profesionalisma
Sikap Bersegera dan Kepunyaaan
Semangat Berpasukan
Berorientasikan Pencapaian

KANDUNGAN

- 4 Dari Meja Pengarah
- 5 Dari Meja Ketua Editor

Berita Utama

- 6 YAB Ketua Menteri Lancar 'Yayasan Sarawak Community Assistance Management System'
- 7 "Juh Sungkey Ngan CM Abang Jo" Meriah Di Dalam Kesederhanaan
- 8 Yayasan Sarawak Terima Anugerah Di Asia HRD Awards 2019

Info Korporat

- 9 Lawatan Yayasan Sarawak Rapatkan Mahasiswa/i Sarawak Di IPT
- 10 Malam Bayu Kenyalang 2019 Anjuran MAHASS UTHM Meriah
- 11 Sesi Pengauditan Sijil ISO 9001:2015
- 12 AKPANS Pengukur Tahap Kualiti Sesebuah Agensi
- 13 Warga Kerja Terima Anugerah Pingat Kebesaran Negeri
- 14 Lawatan Belajar Warga Kerja Bersama MPC Business Excellence Di Bandung, Indonesia
- 15 Yayasan Sarawak dan UiTM Anjur Kelas English For Workplace Communication II

Info Pendidikan

- 16-17 Data Penajaan Pelajar Yayasan Sarawak
- 18-19 Jerayawara Pendidikan Zon Utara Salur Maklumat Bantuan Dan Penajaan Pendidikan
- 20 Pelajar Cemerlang Bahagian Mukah Diraiakan Pada Program Jerayawara Pendidikan Zon Tengah
- 21 Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak Iktiraf Pelajar Bahagian Sibu

Info Pendidikan

- 22-23 Yayasan Sarawak Agih Baucar Pakaian Seragam Sekolah
- 24 Program KEMASAINS Pupuk Minat Murid Dalam Bidang Sains
- 25 Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak Zon Semenanjung
- 26 Penyerahan Surat Tawaran Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal

Aktiviti Taska Tadika Yayasanku Sayang

- 27 Lawatan Penandaarasan Kelab PEWANI UiTM Sarawak Ke TTYS
- 28 Pertandingan Hafazan Terap Nilai Minat Membaca Al-Quran
- 29 Majlis Sambutan Gawai Raya TTYS

Galeri Foto

Aktiviti Kelab Yayasan Sarawak

Testimoni Pelajar/Ibu bapa

Lain-lain

- 34 Curtin University Malaysia
- 35 Swinburne University Of Technology Sarawak Campus
- 36 University College Of Technology Sarawak
- 37 Premis Yayasan Sarawak Untuk Sewaan
- 38 Direktori Yayasan Sarawak



DARI MEJA PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kerana bulletin Outreach edisi Mei – Ogos 2019 telah berjaya diterbitkan.

Yayasan Sarawak telah menerima anugerah “Contribution to Society Award 2019” oleh HRD Asia Awards Committee. Anugerah ini sekaligus mengiktiraf peranan Yayasan Sarawak dalam menjadi pemangkin pendidikan kepada rakyat negeri Sarawak secara khususnya dalam membina modal insan serta membantu dalam pembangunan pendidikan.

Dalam usaha memantapkan perkhidmatan bagi mengoptimumkan sumber yang sedia ada, “Yayasan Sarawak Community Assistance Management System” (YSCAMS) yang telah dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri telah menjadi teras untuk perkhidmatan yang lebih efisien kepada rakyat negeri Sarawak.

Pada masa yang sama, Yayasan Sarawak juga berpeluang untuk bersama anak-anak Sarawak di Kuala Lumpur dalam menyambut bulan Ramadhan pada Mei yang lalu melalui majlis “Juhh Sungkey Ngan CM Abang Jo” bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre.

Akhir kata, Yayasan Sarawak akan meneruskan usaha untuk membantu anak-anak Sarawak dalam bidang pendidikan bagi meningkatkan taraf ekonomi serta keluarga pada masa hadapan.

HAJI AZMI BIN HAJI BUJANG

Pengarah Yayasan Sarawak

“Pemangkin Pembangunan Pendidikan Ke Arah Modal Insan Berkualiti”

DARI MEJA KETUA EDITOR



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan rasa syukur kerana buletin Outreach edisi Mei-Ogos 2019 telah berjaya diterbitkan. Ini merupakan terbitan kami edisi kali kedua untuk tahun 2019 dan merupakan terbitan yang ke-7 semenjak tahun 2017.

Pada edisi kali ini, kami memaparkan aktiviti-aktiviti di bawah Info Pendidikan dengan berita memfokuskan kepada pelbagai majlis seperti Penyampaian Hadiah Cemerlang, Penyampaian Baucar Pakaian Seragam dengan penganjuran beberapa Majlis Outreach Jerayawara di tiga (3) Zon di seluruh Negeri Sarawak bermula dari Zon Tengah, Zon Utara dan Zon Selatan sepanjang tahun 2019. Setakat bulan Ogos 2019, kami telah menjelajah lebih 70% kawasan yang telah dikenalpasti dengan misi utama untuk menyampaikan maklumat kepada penduduk setempat tentang bantuan yang boleh dipohon daripada Yayasan Sarawak.

Dalam Info Korporat, kami ingin berkongsi dengan umum kejayaan Yayasan Sarawak dalam menerima anugerah "Contribution to Society Award 2019" oleh Asia HRD Awards Committee. Anugerah ini sekaligus mengiktiraf peranan Yayasan Sarawak dalam menjadi pemangkin pendidikan kepada rakyat negeri Sarawak secara khususnya dalam membina modal insan serta membantu ke arah pembangunan pendidikan di Negeri Sarawak.

Disamping itu juga kami memaparkan Majlis Pelancaran "Yayasan Sarawak Community Assistance Management System" (YSCAMS) oleh YAB Ketua Menteri Sarawak bagi menjadi platform untuk memproses permohonan dalam talian, memberi kelulusan dan membayar bantuan kewangan, biasiswa dan pinjaman pelajaran secara lebih cekap, telus dan efisien sesuai dengan fungsi utama Yayasan Sarawak.

Pada masa yang sama, kami juga berkongsi dengan anda di mana Yayasan Sarawak juga berpeluang untuk bersama anak-anak Sarawak di Kuala Lumpur dalam menyambut bulan Ramadhan pada Mei yang lalu melalui majlis "Juhh Sungkey Ngan CM Abang Jo" bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre.

Akhir kata, kami sidang redaksi Outreach ingin memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan pihak kami sedia menerima sebarang teguran dan input bagi menambahbaik keluaran Outreach kami di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

SURYANI BINTI ABDUL HAMID
Ketua Editor

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Haji Azmi bin Haji Bujang
Haji Mersal bin Abang Rosli
Ellen @ Manium anak Engang

Ketua Editor

Suryani binti Abdul Hamid

Editor

Abdullah bin Abdul Gafor
Muhamad Rahman bin Sallehin
Siti Asfajarina binti Haji Salleh

Penulisan

Watson Chunggat Leonard Doo
Muhamad Rahman bin Sallehin
Siti Noorlis binti Hassan
Hasyim bin Baidawi
Dayang Fazila binti Abang Fauzi
Ahmad Jumadi bin Sabang
Mohamad Hafizi bin Talhah
Sub'bha binti Jalia

Grafik/Bahan

Ahmad Jumadi bin Sabang

Fotografi

Ahmad Jumadi bin Sabang
Andy Gray anak Simon

Terbitan

Seksyen Komunikasi Korporat
Yayasan Sarawak, Wisma Adenan,
Jalan Sultan Tengah, Petra jaya
93050 Kuching, Sarawak.

📞 +60 82 441 686
📠 +60 82 440 023
📠 +6017 700 1971 (ysCARE)
🌐 www.yayasansarawak.org.my
✉️ ys@yayasansarawak.org.my

SEKALUNG BUDI

Terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan penerbitan majalah OUTREACH kali ini.

Sebarang cadangan penambahbaikan serta sumbangan artikel boleh di emel ke

ysscorpcom@yayasansarawak.org.my.

YAB KETUA MENTERI LANCAR 'YAYASAN SARAWAK COMMUNITY ASSISTANCE MANAGEMENT SYSTEM'

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang



WISMA ADENAN, 24 Jun 2019 - YAB Datuk Patinggi (Dr.) Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Sarawak hari ini melancarkan Yayasan Sarawak Community Assistance Management System (YSCAMS) bersempena dengan Majlis Sambutan Gawai-Raya Yayasan Sarawak di Wisma Adenan.

Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang memaklumkan bahawa sistem tersebut merupakan platform bagi memproses permohonan dalam talian, memberi kelulusan dan membayar bantuan kewangan, biasiswa dan juga pinjaman pelajar.

Selain itu, beliau turut memberitahu bahawa Inisiatif Graduan Pulang Sarawak (i-GPS) yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri merupakan salah satu modul di dalam YSCAMS.

Pelajar boleh membuat permohonan untuk balik ke Sarawak daripada Semenanjung, Sabah dan Labuan.

"Satu ciri unik sistem ini ialah ia melibatkan kerjasama daripada pihak Sarawak Volunteers yang mempunyai akses khas bagi memproses permohonan sebelum kelulusan pembayaran daripada pihak kami," kata Azmi.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada para Sarawak Volunteers kerana kerjasama mereka dalam membantu menjadikan program ini berjaya seperti yang diharap oleh YAB Ketua Menteri.



“JUH SUNGKEY NGAN CM ABANG JO” MERIAH DI DALAM KESEDERHANAAN

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin

KUALA LUMPUR, 17 Mei 2019 - Kemeriahan sambutan bulan Ramadhan Al-Mubarak telah diserikan dengan majlis berbuka puasa “Juh Sungkey Ngan CM Abang Jo” yang telah diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur yang dihadiri oleh YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg serta isteri YABhg Datuk Amar Hajah Juma’ani Tun Tuanku Haji Bujang.

Majlis tersebut yang dianjurkan secara bersama oleh Yayasan Sarawak Pejabat Kuala Lumpur, Rumah Sarawak dan Persatuan Anak Sarawak Semenanjung (PASS) telah menghimpunkan lebih kurang 500 orang anak Sarawak yang berada di Lembah Klang terutamanya para mahasiswa dan mahasiswi Sarawak yang mengikuti pengajian di Universiti Awam serta anak-anak watan yang bekerja di Kuala Lumpur.

Dalam majlis tersebut, YAB Ketua Menteri serta isteri berbuka puasa bersama-sama dengan hadirin dan menjamu selera bersama para hadirin selepas usai menunaikan solat Maghrib bersama-sama.

Setelah ucapan amanat daripada Ketua Menteri dan penyampaian sumbangan kepada para mahasiswa serta mahasiswi Sarawak juga kepada anak-anak warga kerja Yayasan Sarawak Pejabat Kuala Lumpur serta Rumah Sarawak, para hadirin tidak melepaskan peluang untuk solat berjemaah Isyak dan solat sunat terawih bersama Ketua Menteri serta isteri.

Pada akhir majlis tersebut, para hadirin terutamanya para mahasiswa dan mahasiswi tidak melepaskan peluang untuk berinteraksi secara dekat serta mengambil gambar kenangan bersama Ketua Menteri serta isteri.

Para hadirin terutamanya para mahasiswa dan mahasiswi telah menzahirkan sepenuh rasa kesyukuran dan penghargaan kepada pihak pengajur kerana berpeluang untuk bersama-sama menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak bersama ketua pemimpin Sarawak yang tercinta.



YAB Ketua Menteri serta pemimpin negeri merakam kenangan bersama anak-anak Sarawak yang bekerja di semenanjung dan juga para pelajar institusi pengajian tinggi serta sekolah.



YAB Ketua Menteri berkesempatan menjamu para pelajar yang hadir selain dapat beramah mesra.



Wakil pelajar institusi pengajian tinggi menyerahkan cenderamata buatan sendiri kepada YAB Ketua Menteri sebagai tanda penghargaan.



Para pelajar tidak melepaskan peluang untuk bergambar wifie dengan YAB Ketua Menteri.

YAYASAN SARAWAK TERIMA ANUGERAH DI ASIA HRD AWARDS 2019

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin

Sarawak



Malaysia

Director of Sarawak Foundation receives award from H.E Engineer Fahmi bin Ali Al Jowder, Chairman of Asia HRD Awards Committee 2019.

CYBERJAYA, 16th July 2019 - The Sarawak Foundation since 1971 has played an important role in empowering the local community to acquire equal access to educational opportunities through its programs and assistance in an exertion to create a better life and elevate the socioeconomic status statewide.

Since its inception, its initiatives have helped the entire spectrum of beneficiaries from diverse racial backgrounds including youth, adults and indigenous people, and has intensified the State Government endeavour in building a well-educated human capital in the state. In honour of its massive contribution to the local community and being an exemplary organization in fueling the dreams to learn, the Sarawak Foundation has been bestowed with the "Contribution to Society Award 2019" by the HRD Asia Awards Committee.

The award ceremony was held at the Cyberjaya College of Medical Sciences in Cyberjaya on July 16, 2019, and the Director of Sarawak Foundation received the award on stage. The Deputy Director and senior officers were also present at the auspicious event.



Award recipients record memories with lifetime award recipient, YABhg Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali.



The guests of honor included the Malaysian Prime Minister's wife, Tun Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali at the Asia HRD Awards Gala Night 2019,

LAWATAN YAYASAN SARAWAK RAPATKAN MAHASISWA/I SARAWAK DI IPT

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin



Pengarah Yayasan Sarawak memukul gong sebagai tanda simbolik perasmian Malam Apresiasi Kenyalang Bersama Alumni (MAKBA).



AJK PEMASRA yang terdahulu menerima sijil penghargaan daripada Pengarah Yayasan Sarawak.



Salah seorang pelajar menerima hadiah bertuah daripada Ketua Pegawai Yayasan Sarawak Kuala Lumpur.



Pelajar turut mengadakan persembahan menghibur dan memeriahkan majlis.

KUALA LUMPUR, 4 MEI 2019 – Yayasan Sarawak menerusi pejabat Kuala Lumpur (YSKL) yang telah memulakan siri lawatan susulan ke Universiti Awam dengan melawat para mahasiswa dan mahasiswi anak Sarawak yang mengikuti pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Perjumpaan tersebut yang dijayakan bersama Persatuan Mahasiswa Sarawak (PEMASRA) UKM telah berjaya menghimpunkan seramai 70 orang daripada pelbagai kursus serta tahun pengajian.

Turut sama hadir adalah Encik Awang Supian Awang Daud, Pegawai Perhubungan Rumah Sarawak serta Encik Muhammad Rafique Hafeedzy, Presiden Sarawak Volunteers.

Pada malam perjumpaan tersebut, Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang, telah diberikan penghormatan bagi merasmikan Malam Apresiasi Kenyalang Bersama Alumni (MAKBA) 2019 di mana ia adalah meraikan ahli jawatankuasa PEMASRA penggal terdahulu serta mengiktiraf mahasiswa anak Sarawak yang telah memberikan pencapaian terbaik sepanjang mengikuti pengajian di UKM.

Dalam ucapan beliau, Tuan Haji Azmi juga telah memberikan penerangan lebih lanjut mengenai skim-skim pembiayaan pendidikan dan juga bantuan yang diberikan oleh Yayasan Sarawak kepada anak-anak Sarawak khususnya dalam penajaan pendidikan, bantuan pelajaran dan sebagainya serta menyentuh mengenai polisi pendidikan Sarawak untuk dikongsi bersama.

Pada malam sebelum, Yayasan Sarawak juga berpeluang melawat para pelajar Sarawak di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) bagi perasmian Jemputan Malam Bayu Kenyalang 2019 Persatuan Mahasiswa/i Sarawak (MAHASS) UTHM bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Yayasan Sarawak menerusi YSKL akan meneruskan sesi perjumpaan bersama para mahasiswa anak Sarawak di Universiti Awam seluruh Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2019.

Bagi maklumat lanjut, orang awam boleh menghubungi Yayasan Sarawak Pejabat Kuala Lumpur (YSKL) di talian 03-4265 0619 atau menerusi emel di ys@yayasansarawak.org.my

MALAM BAYU KENYALANG 2019

ANJURAN MAHASS UTHM MERIAH

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang



JOHOR, 3 MEI 2019 – Program Malam Bayu Kenyalang 2019 anjuran Persatuan Mahasiswa/i Sarawak (MAHASS) UTHM telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof selaku penasihat Sarawak Volunteer bertempat di Dewan Sultan Ibrahim (DSI), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor.

Program tajaan Sarawak Volunteers dan Yayasan Sarawak bertujuan untuk mengadakan perkongsian maklumat kepada para mahasiswa/i melalui slot mesej Inspirasi Pembangunan Anak Jati Borneo.



Selain itu, majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan tarian kebudayaan dan lagu etnik, peragaan pakaian tradisional.

Majlis pada malam tersebut telah dimeriahkan lagi dengan persembahan khas daripada Miss World Malaysia 2018, Saudari Larissa Ping Liew, persembahan tarian kebudayaan dan lagu etnik serta peragaan pakaian tradisional daripada suku kaum sarawak dan Sabah.

Turut hadir ke majlis tersebut iaitu Encik Awang Supian Awang Daud dari Rumah Sarawak serta Encik Muhamad Rahman Bin Sallehin, Ketua Pegawai Pejabat Yayasan Sarawak Kuala Lumpur. Pihak agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan serta jemputan universiti luar iaitu dari UTeM dan UITM turut hadir memeriahkan majlis tersebut.



SESI PENGAUDITAN SIJIL ISO 9001:2015

OLEH: Watson Chungat Leonard Doo



Pengarah Yayasan Sarawak memberi ucapan pembukaan sempena sesi pengauditan Sijil ISO.

WISMA ADENAN - Pada 3 dan 4 Julai 2019, telah dijalankan Audit Pematuhan Pertama MS ISO 9001:2015 di Yayasan Sarawak.

Pengauditan telah dilakukan oleh Encik Steven Toh Kee Mok dari Intertek Malaysia International Certification Sdn Bhd dan telah melibatkan semua bahagian dan seksyen yang berkaitan.

Ianya merupakan susulan terhadap pengiktirafan yang telah dicapai oleh Yayasan Sarawak yang terlebih dahulu telah memperolehi sijil MS ISO 9001:2015 pada 7 April 2018.

Antara lain, audit pematuhan pertama ini dilaksanakan bertujuan untuk memastikan agar polisi-polisi pengurusan, peraturan, prosedur dan proses yang terdapat di dalam skop persijilan MS ISO 9001:2015 Yayasan Sarawak dipatuhi.



Sebahagian daripada pengurusan yang hadir bagi sesi pengauditan sijil ISO.



Sesi perbincangan bersama pengurusan semasa pengauditan Sijil ISO.



Pengurusan Yayasan Sarawak merakam kenangan bersama-sama dengan ahli panel penilai bagi APKANS.

AKPANS PENGUKUR TAHAP KUALITI SESEBUAH AGENSI

OLEH: Watson Chunggat Leonard Doo



Sesi taklimat ahli panel APKANS bagi kriteria-kriteria penilaian.



Ahli panel membuat pengesahan dokumentasi berkaitan dengan pengurusan sistem.



Pegawai Yayasan Sarawak memberi penerangan dan dokumentasi kepada ahli panel berkaitan dengan pengurusan kewangan Yayasan Sarawak.



Sesi pembentangan Pengarah Yayasan Sarawak kepada ahli panel APKANS di Wisma Bapa Malaysia.



Ahli panel APKANS diketuai oleh Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri, YBhg Datu Junaidi bin Haji Reduan.

KUCHING - Seramai lapan orang panel Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak (APKANS) telah mengadakan lawatan tapak ke Yayasan Sarawak pada 8 Ogos 2019.

Rombongan telah diketuai oleh Encik Christopher Danan selaku Timbalan Pengerusi Panel Penilai dari Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

Untuk rekod, Yayasan Sarawak merupakan di antara agensi di bawah Kerajaan Negeri Sarawak yang telah disenaraipendekkan untuk APKANS pada kali ini.

Sebelumnya, Yayasan Sarawak telah membuat pembentangan kepada para panel pada 3 Julai 2019 bertempat di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, Kuching.

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2010, APKANS telah dijadikan sandaran atau medium bagi mengukur dan mempertingkatkan sistem penyampaian serta kecemerlangan organisasi di kalangan sektor awam di Sarawak.

WARGA KERJA TERIMA ANUGERAH PINGAT KEBESARAN NEGERI

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

Seramai lapan orang warga kerja Yayasan Sarawak daripada pelbagai pangkat dan jawatan telah menerima Pingat Kebesaran Negeri bersempena dengan Sambutan Perayaan Hari Jadi Ke-82 Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Majlis pengurniaan tersebut telah diadakan dalam dua sesi iaitu pada 27 Jun 2019 dan 17 Julai 2019 bertempat di Dewan Besar Astana Negeri Sarawak.

Pengurniaan tersebut sekaligus menjadi kebanggaan Yayasan Sarawak diatas pengiktirafan yang diberikan di bawah Pingat Pentadbiran Awam seperti berikut:

Pingat Perkhidmatan Bakti (Perak) (PPB)

- Hajijah binti Morsidi
- Watson Chunggat Leonard Doo

Pingat Perkhidmatan Terpuji (Gangsa) (PPT)

- Aspalela binti Awi
- Dacy anak Minus
- Marina binti Abang
- Melati binti Bujang
- Nola anak Jimat
- Alina binti Vincent

Bentara Bintang Sarawak (BBS)

- Ishak bin Hamden
- Mohamad bin Haji Edan



Dari Kiri: Puan Alina Vincent, Puan Nola Jimat dan Puan Dacy Minus



Dari Kiri: Encik Watson Chunggat Leonard Doo, Cik Marina Abang, Puan Hajijah Morsidi, Puan Melati Bujang dan Encik Mohamad Haji Edan.



Sesi Taklimat dan Pengenalan Business Excellence Best Practise pada hari kedua oleh Saudara Abdul Halim, Pengurus Forum Ekselen BUMN (FEB) yang berkolaborasi Bersama PT Wahana Kendali Mutu (Indonesia).

LAWATAN BELAJAR WARGA KERJA PROGRAM MPC BUSINESS EXCELLENCE KE INDONESIA

OLEH: Hasyim Baidawi / Dayang Fazila Abang Fauzi

INDONESIA, 24-28 Jun 2019 - Kumpulan Business Excellence Best Practices Study Visit ke Indonesia kali ini melibatkan 2 buah jabatan iaitu Jabatan Agama Islam Sarawak dan Yayasan Sarawak anjuran Malaysian Productivity Centre (MPC) dan diselenggarakan dengan kerjasama PT Wahana Kendali Mutu di Indonesia.

Objektif lawatan ini adalah untuk melihat kejayaan pelaksanaan business excellence di organisasi yang terpilih yang telah merangkul pelbagai anugerah kualiti dan inovasi.

Sebanyak tiga buah organisasi telah dipilih oleh MPC untuk program kali ini iaitu PT Kereta Api Indonesia , PT Pertamina dan PT Wijaya Karya iaitu:

PT Wijaya Karya (WiKa), Jakarta bermula daripada proses nasionalisasi syarikat Belanda pada tahun 1960 dan terlibat dengan banyak projek kejuruteraan di seluruh Indonesia termasuklah pembinaan jambatan. Antara anugerah yang diterima adalah The Best Overall by Indonesia Innovation Awards 2019, CSA Award - The 42 Best Companies 2019, The Most Committed Governance, Risk & Compliance (GRC) Leader 2019 dan TOP Governance, Risk & Compliance (GRC) 2019 4 Stars.

PT Pertamina, Jakarta merupakan perusahaan milik negara (BUMN) yang aktif di bidang tenaga meliputi minyak, gas serta tenaga diperbaharui selama hamper enam (6) dekad bermula pada tahun 1950-an. Syarikat bertaraf multinasional ini telah berjaya menguasai 72.65% saham di Prancis Maurel et Prom (M&P) menjadikannya mempunyai akses hampir ke seluruh dunia disokong oleh 22 anak syarikat di bawahnya.

PT Kereta Api Indonesia (Persero), Bandung bermula dari zaman pemerintahan Belanda seterusnya disambung ketika zaman pendudukan Jepun dan diambil alih semula oleh kerajaan Indonesia setelah merdeka. PT Kereta Api Indonesia semakin bertambah maju dan kini antara Badan Usaha Milik Negara Indonesia yang terpenting.



Lawatan ke PT Wijaya Karya (WiKa), Jakarta



Lawatan ke PT Kereta Api Indonesia, Bandung



Lawatan ke PT Pertamina Persero, Jakarta.



Ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno-Hatta, Jakarta

YAYASAN SARAWAK DAN UTM ANJUR KELAS ENGLISH FOR WORKPLACE COMMUNICATION II

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

ENGLISH FOR WORKPLACE COMMUNICATION II

ORGANISED BY UTM SARAWAK

AT YAYASAN SARAWAK

10 JULY - 15 AUGUST 2019



Pensyarah UTM merakam kenangan bersama para peserta kursus di kalangan warga kerja.

WISMA ADENAN, 23 Julai - 15 Ogos 2019 - Seramai 45 orang warga kerja Yayasan Sarawak termasuk kakitangan Sanjung Etika Sdn Bhd telah dipilih untuk menghadiri Kursus English for Workplace Communication Siri 2.

Kursus yang dikendalikan oleh fasilitator jemputan iaitu pensyarah daripada Universiti Teknologi Mara (UTM) Samarahan, Sarawak telah diadakan di Pusat Sumber Yayasan Sarawak. Peserta telah dibahagikan kepada dua (2) kumpulan, iaitu pada sesi pagi dan sesi petang.

Tujuan kursus ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan yang lebih luas kepada peserta kursus mengenai teknik penggunaan dan penguasaan Bahasa Inggeris dengan betul dalam urusan kerja harian.

Selain itu, ianya dapat meningkatkan kemahiran dan keyakinan peserta kursus untuk menggunakan Bahasa Inggeris semasa berurusan dengan pelanggan.



Warga kerja Yayasan Sarawak termasuk daripada anak syarikat turut hadir menjayakan kelas.



Salah seorang Pensyarah daripada UTM memberikan tunjuk ajar kepada peserta.



Salah sebuah kumpulan peserta menunjukkan hasil latihan.

BIASISWA PENDIDIKAN

JUMLAH BENEFISIARI
JANUARI - OGOS
2019

6,150 penerima

benefisiari biasiswa pendidikan
dari Yayasan Sarawak



1,162

Pelajar Ijazah
Sarjana Muda &
Lanjutan

Data Penajaan Biasiswa Berdasarkan Institusi Pengajian



493 pelajar

yang ditaja merangkumi
IPTA, IPTS seperti Swinburne
University of Technology,
Curtin University Sarawak,
UCTS serta IPT luar negara.

423 Ijazah Sarjana Muda

38 Ijazah Sarjana

32 PhD / Profesional

Biasiswa Yayasan Sarawak Tun Taib (Penyelidikan) 2018/2019



9 pelajar PhD
10 pelajar Sarjana

Biasiswa Yayasan Tun Taib
telah menaja 19 pelajar yang
mengambil jurusan STEM
(Science, Technology, Engineering
& Mathematics)

Data Bantuan Pakaian Seragam & Hadiah Pelajar Cemerlang
Yayasan Sarawak

18,800
agihan baucer

ke setiap bahagian
termasuk 38 buah daerah
& daerah kecil di seluruh
negeri Sarawak.

1,378 pelajar SPM/STPM 2018 terima Hadiah
Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak
di seluruh negeri Sarawak.



PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

JUMLAH BENEFISIARI
JANUARI - OGOS
2019

1,346
Pelajar Diploma &
Ijazah Sarjana Muda



2,152 pelajar
pembentangan pendidikan dari
Yayasan Sarawak

Data Penajaan Pembentangan Pendidikan



Pelajar yang ditaja
merangkumi IPTA,
IPTS seperti Swinburne
University Of Technology
Sarawak, Curtin
University Sarawak, UCTS
serta Institusi Latihan
Kemahiran Teknikal di
dalam dan luar negara.

642 Sijil

792 Ijazah Sarjana Muda

75 Asasi

78 Ijazah Sarjana

554 Diploma

11 PhD / Profesional

Bidang Pengajian Penerima Pembentangan Pendidikan



165	Sastera & Kemanusiaan	74	Sains Hayat & Perubatan
513	Peniagaan & Pengurusan	69	Sains Persekutuan
603	Kejuruteraan & Teknologi	89	Sains Sosial
639			Teknikal & kemahiran (Sub-Profesional)

Untuk maklumat lebih lanjut, sila imbas QR code yang disediakan





Jerayawara Bintulu: Para penerima sijil dan geran serta para hadirin merakam kenangan bersama tetamu kehormat.

JERAYAWARA PENDIDIKAN ZON UTARA SALUR MAKLUMAT BANTUAN DAN PENAJAAN PENDIDIKAN

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

Program Jerayawara Pendidikan Yayasan Sarawak merupakan landasan untuk menyampaikan maklumat kepada para pelajar dan ibu bapa bahawa masih ada peluang untuk anak-anak mereka dalam melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi setelah tamat peringkat sekolah menengah melalui program-program sokongan yang disediakan Yayasan Sarawak.

Bagi Zon Utara, tiga (3) tempat telah dipilih untuk pengajuran program tersebut iaitu di Daerah Bekenu pada 3 Mei, Bahagian Bintulu pada 4 Mei dan 12-13 Julai di Daerah Marudi.

Semasa majlis perasmian program, pelajar yang cemerlang tidak terlepas peluang apabila menerima Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak peringkat SPM/STPM 2018 dan turut disertai dengan penyampaian geran bantuan kepada PIBG Sekolah.

Untuk lain-lain pengisian program turut diadakan seminar keibubapaan dan motivasi kepada pelajar mengenai kepentingan atau peluang pendidikan selepas alam persekolahan dan juga mini pameran pendidikan oleh insititusi tempatan bagi memberi maklumat berkaitan dengan kursus-kursus yang ditawarkan.

Melalui pendedahan seumpama ini, ia akan membantu lepasan sekolah memilih bidang pengajian selanjutnya berdasarkan kelayakan dan kemampuan mereka.



Jerayawara Bintulu: Salah seorang penerima Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak daripada Bahagian Bintulu.



Jerayawara Bintulu: Sesi motivasi daripada penceramah jemputan yang bertajuk Hala Tuju Selepas SPM/STPM.



Jerayawara Bintulu: Pihak Institusi turut hadir memberi sokongan dan mempromosikan produk mereka di Mini Pameran Pendidikan.



Jerayawara Subis: Sesi foto penerima dan tetamu kehormat serta para hadirin.



Jerayawara Subis: Salah seorang ibu bapa yang hadir mewakili anak beliau menerima sijil daripada Yang Berhormat.



Jerayawara Subis: Penerima geran PIBG merakam kenangan bersama tetamu kehormat.



Jerayawara Subis: YB Lukansiman turut melawat ruang pameran Yayasan Sarawak.

JERAYAWARA PENDIDIKAN ZON UTARA SALUR MAKLUMAT BANTUAN DAN PENAJAAN PENDIDIKAN



Jerayawara Marudi: Sesi foto penerima Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak bersama wakil YB Menteri Muda Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



Jerayawara Bintulu: Pelajar cemerlang terima sijil daripada wakil tetamu kehormat.



Jerayawara Bintulu: Para hadirin turut dipersembahkan dengan tarian kebudayaan oleh pelajar sekolah.



Jerayawara Bintulu: Turut diadakan Sesi Motivasi Hala Tuju Selepas SPM/STPM kepada pelajar tingkatan 5.



PELAJAR CEMERLANG BAHAGIAN MUKAH DIRAIKAN PADA PROGRAM JERAYAWARA PENDIDIKAN ZON TENGAH

OLEH: Mohamad Hafizi bin Talhah



Jeryawara Mukah: Salah seorang penerima OKU yang cemerlang dalam SPM turut hadir menerima hadiah daripada Yang Berhormat.



Jeryawara Mukah: YB Dato Hajah Hanifah menyampaikan replika cek bagi Geran Bantuan kepada PIBG Sekolah.

Jeryawara Mukah: YB Dato Hajah Hanifah Taib merakam kenangan bersama para penerima sijil dan geran PIBG serta para hadirin.

MUKAH, 27 Julai 2019 - Seramai 450 orang peserta telah menghadiri Program Jeryawara Pendidikan Yayasan Sarawak Bahagian Mukah bagi Zon Tengah.

Majlis telah yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato Hajah Hanifah Hajar Taib, Ahli Parlimen P.213 Mukah dan berlangsung di Dewan Suarah Mukah.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sebagai pengisian program seperti seminar motivasi untuk pelajar sekolah menengah, mini pameran pendidikan, penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang SPM dan STPM 2018 dan juga penyerahan sumbangan geran kepada 4 buah PIBG Sekolah Menengah.

Untuk penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak seramai 24 orang pelajar cemerlang telah dianugerahkan Sijil Cemerlang beserta dengan Sijil Premium BSN bernilai RM500.00 untuk SPM dan RM700.00 untuk pelajar STPM.

Salah seorang penerima hadiah untuk Bahagian Mukah tahun ini merupakan seorang pelajar cemerlang OKU.

Bagi penyerahan geran PIBG, empat (4) buah sekolah telah menerima sumbangan iaitu SMK Mukah, SMK Three Rivers, SMK Agama Igan dan SMK St Patrick.



Jeryawara Mukah: Pelajar dan wakil ibu pelajar merakam kenangan bersama selepas majlis penyampaian.

HPC Sibu: Para penerima sijil dan geran serta tetamu yang hadir merakam kenangan bersama tetamu kehormat seusai majlis berlangsung.



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PELAJAR CEMERLANG YAYASAN SARAWAK IKTIRAF PELAJAR BAHAGIAN SIBU

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang



HPC Sibu: YB Dr. Annur Rapaei menyampaikan sijil kepada pelajar SPM yang cemerlang.



HPC Miri: YB Datuk Rosey merakam kenangan bersama para penerima sijil dan geran PIBG serta para hadirin.



HPC Miri: Salah seorang pelajar menerima Sijil Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak daripada Yang Berhormat.

Majlis Penyampaian Hadiah Pelajar Cemerlang Yayasan Sarawak bagi suku ke-2 untuk tahun 2019 telah diadakan di 2 tempat iaitu Bahagian Sibu pada 20 Julai 2019 dan di Bahagian Miri pada 27 Julai 2019.

Seramai 250 pelajar dari Bahagian Sibu dan 125 orang pelajar dari Bahagian Miri telah menerima hadiah tersebut daripada Yayasan Sarawak. Secara keseluruhan jumlah penerima di negeri Sarawak pada tahun ini adalah seramai 1,378 orang.

957 orang pelajar adalah pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan 421 orang pelajar Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang merangkumi pelajar daripada sekolah-sekolah kerajaan, MRSRM dan juga swasta.

Penerima hadiah bagi SPM membawa pulang sijil premium BSN bernilai RM500.00 seorang, manakala STPM sebanyak RM700.00 seorang.

Ini menjadi suatu kebanggaan kerana para pelajar sentiasa menunjukkan pencapaian yang cemerlang pada setiap

tahun, kata Pengarah Yayasan Sarawak, Tuan Haji Azmi bin Haji Bujang.

Beliau juga berkata, kerajaan negeri menerusi Yayasan Sarawak menyediakan banyak peluang dan kemudahan untuk pelajar-pelajar di negeri ini untuk terus cemerlang dalam pendidikan. "Inilah peluang diberikan kerajaan negeri melalui Yayasan Sarawak untuk rakyat khususnya para pelajar," katanya.

Selain itu, beberapa buah Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di Bahagian Sibu dan Miri juga turut menerima sumbangan geran berjumlah RM10,000 untuk sekolah menengah, manakala RM5,000 untuk sekolah rendah.

Bagi maklumat lanjut, orang awam boleh menghubungi Seksyen Program dan Bantuan di talian 082-441686 atau menerusi emel di ys@yayasansarawak.org.my

YAYASAN SARAWAK AGIH BAUCAR PAKAIAN SERAGAM SEKOLAH

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

Seramai 18,800 pelajar sekolah di Sarawak telah menerima bantuan pakaian seragam sekolah dari Yayasan Sarawak.

Bantuan pakaian seragam itu adalah inisiatif Yayasan Sarawak dan Kerajaan Sarawak bagi membantu pelajar dalam kalangan keluarga yang berpendapatan rendah.

Setiap penerima bantuan diberikan baucar sebanyak RM200.00 seorang untuk membolehkan mereka mendapatkan pakaian seragam sekolah di beberapa buah kedai yang terpilih di seluruh Sarawak.

Bantuan ini diharap dapat meringankan beban para ibu bapa selain dapat memberi motivasi untuk meningkatkan prestasi akademik para penerima.

Yayasan Sarawak menyediakan pelbagai bantuan pendidikan kepada pelajar yang layak sejak dari tahun 1971 untuk memastikan anak penduduk negeri ini terutamanya di luar bandar mendapat pendidikan yang sempurna.

ia termasuk bantuan persekolahan untuk pelajar sekolah rendah dan menengah, bantuan biasiswa untuk pelajar institusi pengajian tinggi serta pelbagai bantuan lain.

Yayasan Sarawak berharap bantuan seperti ini akan berterusan pada masa hadapan dengan lebih banyak lagi penambahbaikan akan dibuat dalam membantu memperkasakan pendidikan di negeri ini.

Sekitar Majlis Penyerahan Baucer Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak:

1. Bahagian Kuching pada 29 Julai 2019
2. Kawasan Mambong pada 7 & 9 Ogos 2019
3. Bahagian Sarikei pada 1 Ogos 2019
4. Daerah Lundai pada 5 Julai 2019
5. Kawasan Dudong pada 12 Julai 2019
6. Bahagian Samarahan pada 29 Julai 2019
7. Kawasan Repok pada 1 Ogos 2019
8. Kawasan Samalaju pada 29 Julai 2019



29.7.2019 Kuching: Sesi foto penerima bantuan dan tetamu kehormat.



29.7.2019 Kuching: Penyerahan baucer bantuan kepada salah seorang penerima yang layak.



7.8.2019 Mambong: Para pelajar yang menerima bantuan baucer bergambar bersama wakil rakyat selaku tetamu kehormat majlis.



9.8.2019 Mambong: Pelajar sekolah daripada salah sebuah sekolah rendah yang menerima baucer bantuan pakaian seragam.



1.8.2019 Rajang: YB Datu Len Talif merakam kenangan bersama para penerima baucer bantuan pakaian seragam sekolah serta tetamu jemputan.



1.8.2019 Rajang: Penerima bersama ibu bapa naik ke pentas menerima baucer bantuan pakaian seragam daripada tetamu kehormat.



5.7.2019 Lundu: YB Datuk Amar Hajah Jamilah Anu menyerahkan baucer bantuan kepada salah seorang pelajar sekolah.



5.7.2019 Lundu: Sesi foto penerima baucer dan tetamu jemputan bersama tetamu kehormat majlis.



12.7.2019 Dudong: Para pelajar sekolah menengah dan rendah menerima baucer pakaian seragam sekolah daripada tetamu kehormat.



12.7.2019 Dudong: Sesi foto Yang Berhormat bersama para penerima baucer bantuan pakaian seragam sekolah.



29.7.2019 Samarahan: Pelajar Bahagian Samarahan turut menerima Baucer Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak.



29.7.2019 Samarahan: YB Dato Seri Haji Ali Mahmud hadir menyerahkan baucer pakaian seragam sempena Penutupan Karnival Pencegahan Dadah.



1.8.2019 Repok: YB ADUN Repok menyampaikan baucer bantuan pakaian seragam kepada pelajar yang ditemani ibu beliau.



1.8.2019 Repok: Sesi foto penerima baucer bersama-sama dengan tetamu kehormat dan para jemputan.



29.7.2019 Samalaju: YB ADUN Samalaju menyerahkan replika cek bantuan pakaian seragam kepada Guru Besar yang mewakili pelajar sebagai penerima.



29.7.2019 Samalaju: Pelajar sekolah menengah turut menerima baucer pakaian seragam daripada tetamu kehormat.

PROGRAM KEMASAINS PUPUK MINAT MURID DALAM BIDANG SAINS

OLEH: Ahmad Jumadi bin Sabang

WISMA ADENAN, 18-20 Jun 2019 -

Program KEMASAINS yang bermaksud 'Ke arah Masyarakat Saintifik' anjuran Jabatan SAINS Institut Perguruan Guru Kampus Batu Lintang (IPGKBL) dengan kerjasama Yayasan Sarawak telah bermula pada tahun 2002 bertujuan untuk memupuk minat murid sekolah rendah dalam bidang sains.

Program KEMASAINS ini seiring namanya lebih menitikberatkan aktiviti yang membolehkan peserta berinteraksi dengan bahan-bahan yang disediakan iaitu melalui pendekatan Hands-On dan diberi peluang mencuba beberapa eksperimen mudah yang pernah dipelajari secara teori di dalam kelas.

Rata-rata peserta yang ditemui menyatakan rasa gembira dan teruja untuk melakukan aktiviti seperti ini pada masa akan datang. Selain mempelajari sesuatu baharu, mereka turut menambah pengalaman dan berpeluang bertukar-tukar fikiran dan pandangan dengan rakan-rakan sebaya daripada sekolah-sekolah yang lain.

Tahun ini, program ini diadakan selama 3 hari bermula 18 Jun 2019 di Dewan Jamilah Yayasan Sarawak dengan kerjasama University Otago, New Zealand.

Seramai 280 peserta termasuk guru dari 5 buah sekolah rendah di sekitar Bahagian Kuching iaitu SK Simpang Kuda, Bau; SK Sampadi, Lundu; SK St David Bumbok, Padawan; SK St Alban, Sg Tapang dan SK Jalan Haji Baki, Kuching menghadiri program ini.



Profesor daripada University of Otago memberi bimbingan kepada para peserta kursus.



Para peserta membuat demo berkaitan kajian penghasilan bahan api.



Profesor dan pelajar University of Otago membuat demo dan penerangan kepada peserta kursus



Encik Zamahari bin Haji Saidi, Ketua Penolong Pengarah Biasiswa merakam kenangan bersama peserta kursus dan juga daripada pelajar Institut Pendidikan Guru Batu Lintang serta University of Otago.



Pelajar berkesempatan untuk beriadah di Sunway Pyramid Ice Skating.

(PPPYS) Siri 2/2019 bertempat di premis YSKL@Ampang yang telah dihadiri seramai 68 orang pelajar Biasiswa Program Pertukaran Pelajar Yayasan Sarawak.

Pelbagai aktiviti yang telah diadakan seperti ceramah kesedaran, program khas bersempena Hari Raya Aidiladha, acara sukan luncur ais dan lain-lain lagi. Pada majlis penutupan, Encik Muhamad Rahman Sallehin, Ketua Pegawai Pejabat Kuala Lumpur telah memberi amanat kepada pelajar mengenai pentingnya pendedahan pembangunan sahsiah diri untuk mendepani cabaran pada masa akan datang.

Menurut pelajar etnik Lun Bawang, Elda Saran Balan, 14 tahun daripada Sekolah Sains Seri Puteri (SESERI) Kuala Lumpur, beliau berasa amat seronok kerana berpeluang untuk menjadi sebahagian daripada peserta dan pada masa yang sama, pelbagai aktiviti berfaedah juga dijalankan. Bagi Ahmad Danial Razali pelajar Tingkatan 1 daripada Akademi Mokhtar Dahari, Sekolah Sukan Pahang, beliau merasakan intipati program yang diaturkan amat bersesuaian dengan keperluan pelajar yang memerlukan cara pembelajaran yang santai dan pada masa yang sama memberikan lebih banyak input melalui pendekatan hands-on yang diberikan.

Para ibu bapa pula memberikan maklum balas positif mengenai penganjuran serta intipati program tersebut di mana anak-anak mereka berpeluang untuk memanfaatkan cuti mereka dengan perkara berfaedah disambil tidak mengendahkan pelajaran mereka sepanjang aktiviti berlangsung.

Menurut Puan Selehab Mawi yang merupakan ibu Muhammad Iqbal bin Ishak di Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP) Kajang, beliau berterima kasih kepada Yayasan Sarawak kerana senantiasa menjaga kebajikan anak beliau dan para pelajar Sarawak secara amnya sepanjang program tersebut berlangsung.

PROGRAM PERKAMPUNGAN PELAJAR YAYASAN SARAWAK ZON SEMENANJUNG

OLEH: Muhamad Rahman bin Sallehin

KUALA LUMPUR, 26 Ogos - Yayasan Sarawak Pejabat Kuala Lumpur (YSKL) telah menganjurkan Program Perkampungan Pelajar Yayasan Sarawak



Para peserta yang beragama Islam dan bukan Islam turut bersama-sama meraikan Sambutan Hari Raya Aidil Adha.



Peserta perkampungan yang lahir bulan Ogos diraikan dengan sambutan dan kek ulang tahun kelahiran.



Akademi Pelita Maslaut, Miri: Para pelatih merakam kenangan dengan wakil Yayasan Sarawak dan Pengurus Besar Pelita Mas Laut.

PENYERAHAN SURAT TAWARAN BIASISWA PINJAMAN LATIHAN TEKNIKAL

OLEH: Sub'bha binti Jalia

MIRI, 14 Ogos 2019 – Yayasan Sarawak telah mengadakan perjumpaan bersama pelajar tajaan di Akademi Pelita Maslaut Sdn Bhd dan Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS).

Perjumpaan ini bertujuan untuk menyampaikan surat tawaran Skim Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak kepada 13 orang pelajar Akademi Pelita Maslaut dan 26 orang pelajar PPKS.

Pengisian program ialah sesi penerangan berhubung bayaran balik pinjaman dan panduan mengisi borang dan surat perjanjian.

Selain itu, turut diadakan sesi perbincangan bersama para pelajar untuk mendapatkan maklum balas terkini daripada pelajar berkaitan dengan kebijakan dan pelajaran mereka.



Akademi Pelita Maslaut, Miri: Sesi Penyerahan Surat Tawaran Latihan Teknikal Yayasan Sarawak kepada salah seorang pelatih.



Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak, Miri: Para pelatih diberi panduan dan bimbingan untuk mengisi borang dan surat perjanjian Biasiswa Pinjaman Latihan Teknikal Yayasan Sarawak.



Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak, Miri: Sesi foto bersama para pelatih sesudah majlis taklimat dan penyerahan surat tawaran.

LAWATAN PENANDAARASAN KELAB PEWANI UITM SARAWAK KE TTYS

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan



WISMA ADENAN, 2 Mei 2019 - Pengerusi serta ahli Kelab PEWANI UITM serta pegawai dari UiTM Cawangan Sarawak telah membuat lawatan penanda aras ke Taska Tadika Yayasanku Sayang (TTYS).

Rombongan seramai sembilan (9) orang itu diketuai oleh YBhg Datin Marilyn Edna Perreau selaku pengerusi kelab. Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai penubuhan taska tempat kerja serta melawat kawasan Taska Tadika Yayasanku Sayang.

Rombongan berkenaan telah meluangkan masa selama dua jam untuk berbincang mengenai aspek keselamatan, pemakanan serta rutin harian di Taska Tadika Yayasanku Sayang.



TASKA TADIKA YAYASANKU SAYANG



Kanak-kanak merakam kenangan bersama setelah majlis penyampaian hadiah dan saguhati.

PERTANDINGAN HAFAZAN TERAP NILAI MINAT MEMBACA AL-QURAN

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan

WISMA ADENAN, 23 Mei 2019 - Pertandingan Hafazan Qari dan Qariah Junior Siri 3 telah diadakan di Ruang Legar, Taska Tadika Yayasanku Sayang. Seramai 19 orang kanak-kanak berusia lima dan enam tahun telah mengikuti pertandingan dengan menghafaz ayat-ayat lazim seperti Al Kauthar, An-Nasr', Al-Ikhlaas dan lain-lain.

Pemenang tempat pertama bagi tahun ini adalah Nur Aneeshya Zulaikha bt Hardiyandi; di tempat kedua adik Dayang Azra Safiyya bt Abg Azrianto dan Fahim Zafri bin Jamalludin di tempat ketiga.

Pertandingan Hafazan Qari dan Qariah Junior diadakan bagi memupuk semangat cintakan Al-Quran selain memperbaiki tajwid dan makhraj kanak-kanak.



Puan Hajah Morsidi, Penolong Pengarah Yayasan Sarawak menyampaikan hadiah tempat pertama kepada adik Nur Aneeshya Zulaikha binti Hardiyandi.



Salah seorang daripada kanak-kanak tadika sedang membaca hafazan dihadapan para juri dan hadirin.



Kanak-Kanak Taska Tadika membuat persembahan sebelum majlis bermula.



Sesi foto kanak-kanak taska tadika bersama para ibu bapa telah meriahkan suasana Sambutan Gawai Raya.

MAJLIS SAMBUTAN GAWAI RAYA DAN HARI APRESIASI IBU BAPA DAN GURU

OLEH: Siti Noorlis binti Hassan



Kanak-kanak taska mengadakan persembahan di hadapan tetamu.

WISMA ADENAN, 27 Jun 2019 - Kanak-kanak taska tadika telah menyambut Sambutan Gawai Raya di Taska Tadika Yayasanku Sayang.

Majlis telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran Puan Hajah Normawati binti Haji Ismailly Yakup, yang telah bersama-sama menonton persembahan kanak-kanak serta menjamu selera dengan pelbagai hidangan Gawai Raya di taska tadika.



Sesi berjoget kanak-kanak salah satu aktiviti bagi menceria dan meriahkan suasana sambutan.



Ibu Bapa turut hadir memeriahkan suasana sambutan bersama-sama dengan kanak-kanak dan guru.

GALERI FOTO



7.8.2019 - Mesyuarat Lembaga Amanah Yayasan Sarawak Ke-126 di Bilik Mesyuarat Pejabat Ketua Menteri, Wisma Bapa Malaysia.



6.8.2019 - Kunjungan Pengarah Kolej Matrikulasi Sarawak, Tuan Haji Mohamad Yazid bin Esmail ke atas Pengarah Yayasan Sarawak.



24.5.2019 - Penyampaian Sumbangan Baucer Pakaian Seragam Sekolah kepada Anak Arwah Shaiful (Unit Polis Bantuan Yayasan Sarawak).



27.5.2019 - Penyerahan cek insuran kepada waris Arwah Ismail Taha (warga Yayasan) oleh Puan Suryani, KPP (Khidmat Korporat, Operasi & Pentadbiran).




21.6.19 - Sumbangan Khas Komputer kepada adik Eugina anak John Nagus, pelajar Kolej Vokasional Kuching daripada Encik Zamahari, Ketua Penolong Pengarah Biasiswa.



22.6.19 - Penolong Pengarah Audit dan Pengurusan Risiko, Cik Shafida Safia bersama pelajar-pelajar YAYIN ke gedung pakalan di Taman Sukma bagi membeli Pakaian Seragam Sekolah di bawah Bantuan Baucer Pakaian Seragam Sekolah Yayasan Sarawak.




13.8.2019 - Guru dan pelajar dari SMK Kwong Hua, Sibu merakam kenangan semasa lawatan sambil belajar ke Wisma Adenan Yayasan Sarawak.



AKTIVITI KELAB YAYASAN SARAWAK



Saya wakil student SESERI ingin mengucapkan ribuan terima kasih kpd YS kerana telah menjaga kami sepanjang cuti ini.. semua jasa baik anda akan kami hargai dan kenangan manis mahupun pahit akan diingati selama-lamanya.. dan tidak lupa kpd student yg menduduki ujian PT3 gudluck.. all the best to us.. takian



Assalam en rahman n warga yysan swk . Just nak share berita gembira . Anak kmk tok syahnon irwan putera b ahmad abg kpd syah jahan putera pernah bawah tajaan YS juak 2012-2016 ketika bljr d MCKK. Inshallah nya akan berangkat ke UK 20 sept tok melanjutkn pljran di sana under PNB. Sy d klga mengucapkan terima kasih byk kpd warga YS

nah pernah menaja beliau

You
Photo

Hensem boy dah ank bujang kmk..rmbut baru.. 😊😊😊

4:21 PM

En Rahman & YSKL team anda semua telah menggombarkan kami supaya mudah... done. Thanks

Nurul Adina Hazwani - Ibu - SMAP KAJANG 6:11 PM

Selamat kembali ke sekolah msg2 kpd smua pelajar tajaan YS... bljr rajin2... jaga peribadi.. tingkatkan prestasi... pergi dengan harapan pulang dgn kejayaan... moga segalanya dipermudahkan..

Terima kasih byk YSKL atas segalanya...

Nur Athirah Aisyah - Ibu 2:10 PM

Alhamdulillah...terima kasih team yskl lynn yg istimewa sehingga anak2 me berada di rumah sendiri wpun jauh dr keluarga

Me You Photo

Bye YS, YS is the best,you are Susana 14 minutes ago

ela-ibu-ssp Today, 5:57 PM 8 minutes ago



12:22 PM

Terima kasih.. En rahman.. & team yskl

You
Photo

Alhamdulillah...terima kasih en rahman dan staff yskl...jaga anak2 selama di kl... Moga anak2 slmt smpai di terengganu school dan dipermudahkn semua urusan dknya. Aamiin...

You
Photo

Tq En Rahman & fmy YSKL kerana mjga dn mlyn anak2 kmi dgn baik. Alhamdulillah...hpy tak mrk hpy Terbaik pegawai2 YS d KL. Tahniah dan Terima kasih atas layanan dan jagaan istimewa terhadap kami



Shah Jahan - SASS

Saya wakil pelajar ASIS ingin mengucapkan terima kasih kepada yayasan sarawak

Terimakasih Tuan Rahman dan staf YSKL atas layanan yg diberikan kpd anak kami

Allah membala jasa baik kalian

Iqbal Ishak - Ibu - SMAPK

Terima kasih warga YSKL atas layanan yang istimewa untuk anak-anam, semoga Allah membala jasa kalian semua...

Siti Nurnashiheen Faqeeha Madahan

kami

Makasih byk2 atas bantuan & layanan

istimewa dr pihak ys

Back to school 😊 semoga cpt sembuh

Aqilah.klu sakit jgn ddk diam2 sj.bgtau



Study your way with Curtin

[APPLY NOW >](#)

Applications for December 2019 intake and 2020 intake are now open!

Search for courses

[SEARCH](#)[Browse all courses](#) [Admission requirements](#) [How to apply](#)

Ranked in the top 1% of universities

Curtin is ranked in the top 1% of universities worldwide and is number 9 in Australia in the prestigious Academic Ranking of World Universities (ARWU) 2019.



Key dates for 2019 Intake

December intake foundation class commencement date: 2 December 2019
International students application deadline: 3 January 2020
Malaysian students application deadline: 11 October 2019

Key dates for 2020 Intake

February intake degree class commencement date: 24 February 2020
International students application deadline: 3 January 2020
Malaysian students application deadline: 28 February 2020
March intake foundation class commencement date: 23 March 2020
International students application deadline: 31 January 2020
Malaysian students application deadline: 27 March 2020

More info on: [Academic Calendar 2020](#)

International applicants





Swinburne Open Day

So what's next after SPM?
Find out how you can build your future with us at our upcoming Open Day.

[Learn more >](#)

Student & Alumni Reviews

[See more reviews >](#)

Student Testimonials

The semester abroad at Swinburne Sarawak has been absolutely eye-opening. Students here are kind and I like that there are so many activities to participate in, such as the rowing club. To have been given the opportunity to live in Kuching is really a delightful experience.

JESPER JUUL KNUDSEN, DENMARK
Study abroad student from University of Southern Denmark



Find a course

[BUSINESS](#)
[DESIGN](#)
[COMPUTING](#)
[SCIENCE](#)
[ENGINEERING](#)
[ENGLISH LANGUAGE](#)
[POSTGRADUATE PROGRAMS BY RESEARCH](#)
[POSTGRADUATE PROGRAMS BY COURSEWORK](#)
[SHORT COURSES](#)
[Current Students](#)
[Future Students](#)
[Research Students](#)
[Graduates & Alumni](#)

Study at Swinburne

- › Why choose Swinburne?
- › Areas of study
- › Courses
- › Life at Swinburne
- › Parents' information and guidelines

Study options

- › Foundation and diploma
- › Degrees
- › Master and PhD
- › International students
- › Study abroad and exchange

A day in a life of a Swinburne student

At Swinburne Sarawak, not only will you grow academically, you'll also develop as an individual. Make new friends, experience the culture and cuisines of the people or even participate in the lifestyle of the locals. There is something for everyone. We look forward to welcoming you!



Click on the names of our alumni below to hear about their Swinburne experience.

[Adeel Liaquat >](#)
[Bella Cengiani >](#)
[Govini Sulakkna Pathirage >](#)
[Mohammed Tanvir Chowdhury >](#)



A SARAWAK STATE UNIVERSITY

Application is now OPEN

Post Doctoral Research Fellowship

* terms & conditions apply

For more info, please contact 084 - 367 361 | 084 - 367 052 | 084 - 367 426 or email us at research@ucts.edu.my

Apply Online / Download Forms



UCTS offers Business and Management studies apart from Engineering & Technology, Built Environment, and Computing & Creative Media programmes.
 (A) For Local Malaysian Students (B) For International Students (C) Enquiry You may also submit your enquiries via Enquiry Form.

Virtual Tour of UCTS



UCTS is the culmination of the State of Sarawak's vision and commitment in establishing a world-class institution of higher learning to spearhead the development and production of technical human resource for the Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE).

Videos: About UCTS



UCTS is committed to facilitating students' access to an affordable world-class university education that nurtures creative and entrepreneurial leaders through a broad education in science and technology while combining the career benefits of an applied approach for SCORE-related research...

A Sarawak State University Apply online at UCTS -> [Foundation](#) / [Undergraduate](#)

Certification Bodies:



Partner Universities:



University of Essex
United Kingdom



UNIVERSITY OF
BIRMINGHAM
United Kingdom



UNIVERSITY OF
PORTSMOUTH
United Kingdom



Social Media



University College of Technology Sarawak

No. 1, Jalan Universiti,
96000 Sibu, Sarawak, Malaysia
Tel: (+6) 084-367300
Fax: (+6) 084-367301
Email: enquiry@ucts.edu.my

>> [Terms, Copyright, Legal and Disclaimer](#)

Our Kuching Marketing Office

Lot 517 Ground Floor
Section 6 K.L.T.D
93400 Kuching, Sarawak, Malaysia
Tel: (+6) 082-422622

HARTANAH YAYASAN SARAWAK UNTUK DISEWA

Sanjung Etika Sdn Bhd (SESB) was incorporated on 31st March 1997 and the main task is to carry out business and therefore to lead as one of Yayasan Sarawak investment arms. In 2002, SESB was appointed to manage particularly in property management and facilities management for Yayasan Sarawak premises.



Sanjung Etika Sdn Bhd

Yayasan Sarawak Premises for rent by location:



Yayasan Sarawak Building,
Jalan Masjid, Kuching



Wisma Satok, Jalan Satok,
Kuching



Jalan Rock, Batu Lintang
Kuching



Demak Laut Commercial
Centre, Kuching



Ariva Gateway,
Jalan Bukit Mata Kuching



Jalan Pinang Jawa, Gita
Kuching



Jalan Padungan,
Kuching



Tabuan Jaya,
Kuching



Unisquare,
Kota Samarahan



Jalan Airport Lama,
Kapit



Jalan Club,
Sri Aman



Jalan Bangkita,
Limbang



Jalan Bulatan Piasau,
Miri



Jalan Sommerville,
Bintulu

**PROPERTY
FOR RENT**

For information, please call

**Faraliza: 017-8135779 (HP)
Amir: 016-8846491 (HP)**



GET IN TOUCH

Tel: 082-432157 | Fax: 082-432171
<http://sesb.org.my/>

DIREKTORI YAYASAN SARAWAK

WISMA ADENAN
JALAN SULTAN TENGAH
PETRA JAYA, 93050 KUCHING.
📞 +6082 441686
📠 +6082 440023
📠 +6017 7001971 (ysCARE)
✉ ys@yayasansarawak.org.my
🌐 www.yayasansarawak.org.my

LOKASI KAMI



KUCHING



KUALA LUMPUR



LONDON

BIASISWA
📞 +6082 441686 samb. 105
📠 +6019 8879114

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN
📞 +6082 441686 samb. 101
📠 +6019 8151686 (Pinjaman)
📠 +6013 8395244 (Teknikal)

PROGRAM & BANTUAN
📞 +6082 441686 samb. 103/104

BAYARAN BALIK
📞 +6082 441686 samb. 102
📠 +6013 803 1158

PENGURUSAN KHIDMAT KUALITI
📞 +082 44686 samb. 314

PERUNDANGAN & PEMATUHAN
📞 +082 441686 samb. 309

**PENGURUSAN PENGETAHUAN, PRESTASI & PERHUBUNGAN
PELANGGAN**
📞 +082 441686 samb. 250

KOMUNIKASI KORPORAT
📞 +082 441686 samb. 313

AUDIT & PENGURUSAN RISIKO
📞 +082 441686 samb. 315

PENGURUSAN DATA
📞 +082 441686 samb. 241

PENTADBIRAN AM
📞 +082 441686 samb. 341

AKAUN
📞 +082 441686 samb. 201

TEKNOLOGI MAKLUMAT & PENGURUSAN SISTEM
📞 +082 441686 samb. 317

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
📞 +082 441686 samb. 293

ASET DAN PEROLEHAN
📞 +082 441686 samb. 202

PENGURUSAN HARTANAH, FASILITI & PENGANGKUTAN
📞 +082 441686 samb. 316

PENGURUSAN PROJEK
📞 +082 44686 samb. 216

PELABURAN AM & SYARIKAT
📞 +082 441686 samb. 204

PEJABAT KUALA LUMPUR
📞 +603 42650619
📠 +603 42661972

RUMAH YAYASAN SARAWAK LONDON
📞 ++44 2088 300165



AYASAN SAPA

WISMA ADENIA





Yayasan Sarawak



Website



Student App



www.yayasansarawak.org.my
KUCHING.KUALA LUMPUR.LONDON